

**KEBERKESANAN PERISIAN KURSUS MULTIMEDIA PEMBELAJARAN TAJWID TERHADAP KEFAHAMAN TAJWID DAN BACAAN AL-QURAN MURID**

Zabedah A.Aziz [1], Irfan Naufal Umar [2]

**ABSTRACT**

The purpose of this quasi experimental study is to study the effectiveness of the multimedia tajweed learning courseware. A multimedia courseware with three modes of presentation was designed as the treatment. A total of 143 students were selected as samples from six schools in Pulau Pinang. A pre-test was administered to determine their level of understanding of tajweed and their recitation of several Quranic verses involving the tajweed to be learned. After 140 minutes of treatment, a post-test was administered to measure the treatment effects. The posttest results showed an improvement in both the dependent variables – the students' understanding of tajweed as well as their recitation of the identified Quranic verses involving the learned tajweed. The three modes of multimedia presentation had a positive impact on understanding of tajweed and Quran recitation. However, further statistical tests are required in order to determine which mode of multimedia best influenced the students' learning.

---

**Keywords:** *Understanding Tajweed, Quran Recitation, Multimedia Presentation Modes*

[1] Institut Pendidikan Guru  
Kampus Tuanku Bainun  
zabedah\_aziz@yahoo.com

[2] Universiti Sains Malaysia  
irfan@usm.my

**PENDAHULUAN**

Ibubapa menekankan pembelajaran al-Quran kepada anak-anak sejak kecil lagi. Ada anak-anak yang mula membaca al-Quran sebelum masuk ke tahun satu persekolahan. Di sekolah, pembelajaran al-Quran diserapkan secara formal dalam subjek Pendidikan Islam (KPM, 2004). Pembelajaran formal ini diteruskan sehinggalah murid melangkah ke sekolah menengah. Pembelajaran al-Quran menjadi penting kerana mempelajari al-Quran adalah fardu kifayah dan membaca al-Quran dengan betul tajwidnya adalah fardu ain (Abdul Qadir Leong, 2009).

Walau bagaimanapun akhbar Utusan Malaysia Online bertarikh 4 November 2013 menyatakan bahawa terdapat ramai umat Islam buta huruf al-Quran dan lemah dari segi bacaan tajwid yang betul dan tidak menyebut huruf hijaiyyah dengan lafaz makhraj yang tepat. Kenyataan ini berdasarkan kajian Imran (2010) yang mendapati 31.3% jemaah masjid di Hulu Langat, Selangor lemah dalam bacaan surah al-Fatihah. Juga dapatan kajian Saidi (2006) yang merumuskan 38.1% murid tingkatan satu mempunyai gred sangat lemah dalam bacaan al-Quran.

Dalam usaha menangani masalah kelemahan bacaan al-Quran terhadap murid sekolah, Kementerian Pendidikan telah menyarankan guru-guru menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) untuk menjadikan sesuatu pengajaran lebih bermakna, menarik dan berkesan (KPM, 2004). Antara BBM yang disarankan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam ialah penggunaan komputer, multimedia, ICT, LCD dan OHP. Komputer dan multimedia dikatakan dapat menarik minat murid terhadap isi kandungan pengajaran serta dapat mengekalkan pengetahuan ke ingatan jangka panjang (Mayer, 2009).

Justeru itu, bagi memberi idea dan cadangan mengintegrasikan multimedia dan ICT sebagai BBM maka Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan modul bertajuk "Pengintegrasian Kandungan Bahan-bahan

Berasaskan ICT Di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam” (2007). Modul ini dihasilkan cetusan daripada kajian (Ab. Halim et al., 2004) yang mendapati aktiviti pengajaran pembelajaran yang paling diminati oleh murid adalah penggunaan komputer dan tayangan video.

## **PENYATAAN MASALAH**

Masalah kelemahan tilawah al-Quran murid sekolah adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu ketidakfahaman murid terhadap hukum tajwid al-Quran dan kelemahan kemahiran bacaan mengikut hukum tajwid.

### **Ketidakfahaman Hukum Tajwid**

Kelemahan murid dalam tilawah al-Quran disebabkan oleh kegagalan mereka memahami hukum tajwid al-Quran. Kajian oleh Ahmad, Shadli, dan Che Bakar (2010) terhadap 128 orang responden dari sebuah IPTA mendapati pengetahuan pelajar terhadap ilmu tajwid amat lemah; hanya 36.91% pelajar menjawab betul soalan berkenaan ilmu tajwid. Kelemahan kefahaman tajwid juga dipamerkan oleh kajian rintis oleh Zabedah dan Irfan (2013) yang menunjukkan seramai 17 orang dari 30 orang murid tingkatan lima memperolehi markah yang amat rendah iaitu antara 0 hingga 20% dalam satu ujian tajwid.

Menurut Nor Hashidah Mohd Nasir et al. (2010) sebab kegagalan murid dalam ujian kefahaman tajwid adalah kerana murid gagal mengingat nama-nama hukum tajwid disebabkan nama hukum tersebut adalah dalam Bahasa Arab dan mereka keliru dengan nama-nama yang hampir sama contohnya Mad Wajib Muttasil dengan Mad Jaiz Munfasil dan Mad Silah Qosiroh dengan Mad Silah Towilah.

Tinjauan penyelidik di sebuah sekolah di Pulau Pinang juga mendapati guru-guru Pendidikan Islam mengakui mengajar hukum tajwid secara hafalan selepas menyelesaikan sukatan pelajaran dan sebelum bermulanya peperiksaan. Hafalan ini bagi memastikan murid dapat menjawab soalan kefahaman dalam peperiksaan. Ini menunjukkan bahawa murid menghafal hukum tajwid tanpa memahami dan melafazkan bacaannya. Anggapan menjadikan ilmu tajwid sebagai ilmu akademik melencong dari tujuan asal ilmu tajwid itu dipelajari iaitu untuk memastikan bacaan al-Quran adalah tepat sebagaimana bacaannya ketika diturunkan oleh Allah SWT (Abdul Qadir Leong, 2009).

### **Kelemahan Bacaan Mengikut Hukum Tajwid**

Kajian Nasir dan Rubiyah (1999) terhadap murid sekolah menengah mendapati hanya 13.8% murid yang dikaji (N = 80) mampu mengaplikasikan ilmu tajwid dalam bacaan al-Quran, 34.54% menyatakan bacaan al-Quran mereka lemah, 37.51% menyatakan bacaan al-Quran mereka sederhana dan 27.05% menyatakan bacaan al-Quran mereka baik. Begitu juga kajian Raihan (2000), Ramlah (2000) dan Mohd Aderi (2004) yang mendapati murid kurang lancar membaca al-Quran, kurang menghayati hukum-hukum tajwid, murid lemah atau sukar menyebut makhraj huruf dan murid lemah tulisan jawi. Muhammad Farhan dan Siti Nurfarhana (2010) yang membuat kajian terhadap tahap kebolehbacaan al-Fatihah dalam kalangan pelajar politeknik mendapati 57% pelajar tidak dapat membaca al-Fatihah dengan fasih dan 63% lemah dalam penguasaan ilmu tajwid. Begitu juga kajian Ahmad et al. (2010) menyatakan bacaan al-Quran responden dalam kajian mereka adalah pada tahap sederhana iaitu 72.67%.

Menurut guru pendidikan Islam, murid-murid lemah dalam kemahiran membaca al-Quran disebabkan mereka kurang mengadakan bacaan secara individu atau kumpulan kecil (Ab. Halim et al., 2004). Sistem pengajaran berbentuk kuliah kerana sukatan yang luas dan bilangan murid yang ramai dalam satu kelas menyebabkan guru tidak berkesempatan melaksanakan pembelajaran secara individu (Mohd Aderi, 2004, 2011; Mohd Aderi & Rohani, 2009).

Masalah kefahaman tajwid dan kemahiran bacaan yang lemah ini berterusan sehingga kini. Usaha dan inisiatif yang bersesuaian boleh difikirkan untuk mengurangkan permasalahan ini. Penyelidik telah mencadangkan penggunaan multimedia dengan tiga mod persembahan sebagai BBM dalam pembelajaran

tilawah al-Quran bagi menyelesaikan masalah ketidakfahaman tajwid dan kelemahan kemahiran bacaan al-Quran.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Memberi penjelasan deskriptif tentang keputusan praujian (sebelum rawatan) dan membandingkannya dengan keputusan pascaujian (selepas rawatan) berkenaan kefahaman tajwid.
2. Memberi penjelasan deskriptif tentang keputusan praujian (sebelum rawatan) dan membandingkannya dengan keputusan pascaujian (selepas rawatan) berkenaan kemahiran bacaan al-Quran.
3. Membuat perbandingan keputusan praujian dan pascaujian untuk kefahaman tajwid dan bacaan al-Quran untuk ketiga-tiga mod persembahan.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuasi-eksperimen dengan reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan-kumpulan tidak seimbang. Seramai 143 orang murid dari enam buah sekolah menengah harian di Pulau Pinang terlibat dalam kajian ini. Semua murid menjalani dua praujian iaitu ujian kefahaman tajwid dan ujian bacaan al-Quran. Ujian ini bertujuan untuk mengukur pengetahuan sedia ada murid tentang kefahaman dan bacaan al-Quran. Murid kemudian menerima rawatan berupa perisian kursus pembelajaran multimedia tajwid. Terdapat tiga mod persembahan yang berbeza iaitu Multimedia Mod Berasingan (MMB), Multimedia Mod Integrasi (MMI) dan Multimedia Mod Pengecaman Suara (MMPS). Murid-murid dari dua buah sekolah menggunakan satu jenis mod persembahan. Rawatan diberikan selama 140 minit. Pascaujian kefahaman tajwid dan pascaujian bacaan al-Quran ditadbir selepas rawatan berakhir.

Ujian kefahaman tajwid mempunyai 30 soalan struktur untuk mengenalpasti hukum tajwid dan jumlah harakat (panjang) bacaan berdasarkan ayat al-Quran yang diberikan. Jumlah markah ujian ini adalah 70. Ujian ini digubal berdasarkan ujian akhir tahun Pendidikan Islam di sekolah menengah harian dan Kertas 2 Pendidikan Islam di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Kesahan kandungan ujian ini telah dibuat oleh guru cemerlang Pendidikan Islam di sekolah menengah. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach alpha*.803 diperolehi semasa ujian rintis terhadap 30 orang murid.

Sementara itu, ujian bacaan al-Quran mengandungi 10 kalimah. Murid membaca kalimah tersebut kepada dua orang panel pemeriksa. Penyelidik telah menyediakan rubrik pemarkahan untuk menilai bacaan murid. Kesahan kandungan untuk ujian bacaan dan rubrik penilai dilakukan oleh guru cemerlang Pendidikan Islam di sebuah sekolah di Pulau Pinang. Kaedah *inter-rater reliability* menggunakan analisis *Cohen kappa* menunjukkan nilai .885.

## Kerangka Teori

Secara umumnya, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) digunakan sebagai dasar kajian. Dalam mereka bentuk dan membangunkan perisian kursus multimedia ini, Model Reka Bentuk dan Pembangunan Perisian Kursus Alessi dan Trollip (2001) dengan tiga fasa pembangunan bermula dari fasa merancang, mereka bentuk dan pembangunan diolah bersesuaian dengan perisian kursus ini. Isi kandungan perisian kursus mematuhi sebelas Prinsip Multimedia Mayer (2001, 2003, 2009). Sementara pada peringkat mikro, strategi penyampaian adalah berdasarkan Model Reka Bentuk Pengajaran Gagne (1985) yang menyenaraikan sembilan adegan pembelajaran bagi memastikan pengajaran yang berkesan.

## Perisian kursus Pembelajaran Tajwid

Perisian kursus ini memberi input berkenaan enam jenis hukum tajwid mad yang terdapat dalam sukatan pelajaran tilawah al-Quran Pendidikan Islam Sekolah Menengah iaitu Mad Asli, Mad Lin, Mad Wajib Muttasil, Mad Jais Munfasil, Mad Silah Qosiroh dan Mad Silah Towilah. Isi kandungan perisian kursus ini dipersembahkan dengan penggunaan elemen multimedia iaitu teks, grafik, audio, video dan interaktif.

Terdapat tiga mod persembahan dibangunkan iaitu Multimedia Mod Berasingan (MMB), Multimedia Mod Integrasi (MMI) dan Multimedia Mod Pengecaman Suara (MMPS). Ketiga-tiga mod persembahan mempunyai ciri-ciri perbezaan tersendiri walaupun isi kandungannya adalah sama. Kesahan kandungan telah dibuat oleh seorang Pensyarah Jabatan Pengajian Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru, seorang guru Pendidikan Islam dan seorang pegawai Jabatan Pendidikan Negeri.

### **Tujuan Pembangunan Perisian Kursus Pembelajaran Tajwid**

Kelemahan murid dalam bacaan dan kefahaman menyebabkan terdapat inisiatif untuk membangunkan perisian kursus pembelajaran tajwid yang menggunakan multimedia sebagai elemen utama. Kajian menggunakan multimedia dalam pembelajaran al-Quran pernah dijalankan oleh Norasikin et al. (2005), Nor Hasidah et al. (2010), Noor Jamaliah (2010) dan Norizan Mat Diah, Marina Ismail, Suzana Ahamad dan Noor Atiqah Che Juhari (2012). Mereka telah membangunkan perisian kursus multimedia pembelajaran tajwid dengan pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan masalah kefahaman dan bacaan bertajwid. Kajian yang dibuat menunjukkan perisian kursus yang dibina berjaya menarik minat murid. Walau bagaimanapun perisian kursus tersebut berbentuk prototaip dan tidak dilaksanakan kepada kumpulan murid sasaran yang lemah dari segi kefahaman tajwid dan bacaan al-Quran.

Penyelidik membangunkan tiga mod persembahan multimedia untuk mengenal pasti mod yang paling berkesan kepada murid. Keberkesanan perisian kursus dinilai dari perubahan pencapaian kefahaman tajwid dan bacaan al-Quran murid sekolah menengah.

### **Multimedia Mod Berasingan (MMB)**


MMB menggabungkan elemen multimedia iaitu teks, grafik, audio, video dan interaktiviti dalam persembahannya. Fokus mod adalah teks atau kalimah yang dibaca oleh qari berada berasingan dari video bacaan qari. Menurut kajian Irfan dan Zubir (2010), elemen multimedia terutama video dapat meningkatkan pencapaian murid. Rajah 1 menunjukkan paparan skrin MMB.



Rajah 1: Skrin menunjukkan paparan dalam Multimedia Mod Berasingan.

### **Multimedia Mod Integrasi (MMI)**

MMI juga menggabungkan semua unsur multimedia. Perbezaan MMB dan MMI adalah teks atau kalimah yang dibaca oleh qari berada di dalam video bacaan qari. Terdapat juga unsur perubahan warna teks mengikut bacaan qari. Elemen perubahan warna teks dimasukkan kerana menurut Kothari (2008), ciri ini dapat membantu menyelesaikan masalah membaca dalam kalangan murid yang buta huruf. Rajah 2 menunjukkan paparan skrin MMI.



Rajah 2: Skrin menunjukkan paparan dalam Multimedia Mod Integrasi.

### Multimedia Mod Pengecaman Suara (MMPS)

MMPS mempunyai sistem merakam suara. Ini adalah satu tambahan ikon kepada MMB. Ciri ini bertujuan memberi peluang murid merakamkan suara sendiri dan membandingkan bacaan sendiri dengan bacaan qari. Menurut Teori Pembelajaran Melalui Pemerhatian Bandura (1977), murid suka meniru perlakuan model dan akan merasa puas hati apabila terdapat kesamaan perlakuannya dengan model. Rajah 3 menunjukkan paparan skrin MMPS.



Rajah 3: Skrin menunjukkan paparan dalam Multimedia Mod Pengecaman Suara

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan dihuraikan berdasarkan dua pemboleh ubah bersandar yang dikaji iaitu kefahaman tajwid dan kemahiran bacaan al-Quran. Kaedah penilaian adalah berdasarkan panduan gred permarkahan mengikut Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tingkatan menengah atas (tingkatan empat dan tingkatan lima) yang dicapai daripada <http://sapsnkra.moe.gov.my/access-denied.php>.

### Kefahaman Hukum Tajwid

Dapatan kajian untuk praujian dan pascaujian kefahaman tajwid dipamerkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Dapatan data praujian dan pascaujian kefahaman tajwid*

| Skor   | Gred | n   | n%   | n   | n%    |
|--------|------|-----|------|-----|-------|
| 1-39   | G    | 143 | 100% | 109 | 76.22 |
| 40-44  | E    |     |      | 6   | 4.20  |
| 45-49  | D    |     |      | 8   | 5.59  |
| 50-59  | C    |     |      | 4   | 2.80  |
| 60-64  | C+   |     |      | 2   | 1.40  |
| 65-69  | B    |     |      | 3   | 2.10  |
| 70-74  | B+   |     |      | 1   | 0.70  |
| 75-79  | A-   |     |      | 2   | 1.40  |
| 80-89  | A    |     |      | 5   | 3.50  |
| 90-100 | A+   |     |      | 3   | 2.10  |
| Jumlah |      | 143 |      | 143 |       |

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian untuk praujian dan pascaujian kefahaman tajwid. Praujian menunjukkan kefahaman sedia ada murid tentang hukum tajwid amat rendah. Kesemua murid yang dikaji (N=143) mendapat skor kurang dari 39 dan digred sebagai G dalam ujian tajwid yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun selepas rawatan berupa tiga mod persembahan diberikan kepada murid terdapat perubahan pencapaian dalam pascaujian. Jumlah murid yang mendapat gred G berkurang kepada 109 orang (76.22%) sahaja, 34 orang murid mendapat lebih 40 markah dan 10 dari mereka (7%) mendapat gred A- keatas.

#### **Kemahiran Bacaan Kalimah Al-Quran**

Dapatan kajian untuk praujian dan pascaujian bacaan kalimah al-Quran dipamerkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Dapatan data praujian dan pascaujian bacaan al-Quran*

| Skor   | Gred | n   | n%    | n   | n%    |
|--------|------|-----|-------|-----|-------|
| 1-39   | G    | 37  | 25.87 | 11  | 7.69  |
| 40-44  | E    | 1   | 0.70  | 1   | 0.70  |
| 45-49  | D    | 1   | 0.70  | 4   | 2.80  |
| 50-59  | C    | 26  | 18.18 | 10  | 6.99  |
| 60-64  | C+   | 12  | 8.39  | 4   | 2.80  |
| 65-69  | B    | 7   | 4.90  | 3   | 2.10  |
| 70-74  | B+   | 2   | 1.40  | 8   | 5.59  |
| 75-79  | A-   | 15  | 10.49 | 6   | 4.20  |
| 80-89  | A    | 18  | 12.59 | 14  | 9.79  |
| 90-100 | A+   | 24  | 16.78 | 82  | 57.34 |
| Jumlah |      | 143 |       | 143 |       |

Jadual 2 menunjukkan murid mempunyai pelbagai tahap pengetahuan sedia ada dalam kemahiran membaca kalimah al-Quran. Praujian bacaan kalimah al-Quran menunjukkan bahawa terdapat 37 orang murid (25.87%) yang dikaji memperolehi kurang dari 39 markah yang digred sebagai G (gagal). Terdapat 57 orang murid (39.86%) mendapat gred A-, A dan A+ untuk kemahiran bacaan sebelum rawatan dilaksanakan. Perubahan pencapaian yang lebih baik dalam kemahiran bacaan diperoleh selepas rawatan dengan tiga mod persembahan. Hanya 11 orang murid (7.69%) masih berada pada tahap gred G dan 102 orang murid (71.33%) mendapat markah A- dan keatas.

### Perbandingan Mod persembahan

Dapatan kajian untuk perbandingan mod persembahan terhadap kefahaman tajwid dipamerkan dalam Jadual 3. Sementara Jadual 4 menunjukkan perbandingan mod persembahan terhadap kemahiran bacaan al-Quran.

Jadual 3

*Keputusan ujian kefahaman mengikut mod persembahan*

| Kumpulan                        | Ujian kefahaman | Min   | Sisihan Piawai | Minima | Maksima | n  |
|---------------------------------|-----------------|-------|----------------|--------|---------|----|
| Mod Multimedia Berasingan       | Pra             | 5.91  | 8.42           | 0      | 35.70   | 47 |
|                                 | Pasca           | 25.33 | 14.86          | 7.10   | 68.60   | 47 |
| Mod Multimedia Integrasi        | Pra             | 7.09  | 7.00           | 0      | 22.90   | 46 |
|                                 | Pasca           | 31.18 | 21.40          | 5.70   | 91.40   | 46 |
| Mod Multimedia Pengecaman Suara | Pra             | 7.93  | 7.68           | 0      | 37.10   | 50 |
|                                 | Pasca           | 35.77 | 22.66          | 7.10   | 90.00   | 50 |

Jadual 3 menunjukkan dapatan deskriptif mengikut mod persembahan sebelum dan selepas rawatan dilaksanakan. Jadual 3 mendapati min pra ujian kefahaman untuk ketiga-tiga mod adalah kecil iaitu julat diantara 5.91 hingga 7.93. Sisihan piawai antara 7.00 hingga 8.42 menunjukkan bahawa serakan markah murid lebih menumpu dikawasan yang minima. Ini bermaksud bahawa kesemua murid yang dikaji (N = 143) untuk ketiga-tiga mod persembahan mempunyai tahap kefahaman tajwid sedia ada yang sangat rendah. Rawatan mengikut mod persembahan diberi kepada semua murid. Hasil dari rawatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan markah antara pra ujian dengan pasca ujian untuk ketiga-tiga mod persembahan. MMB menunjukkan perubahan min pra ujian dari 5.91 kepada 25.33 dalam pasca ujian. Min MMI juga meningkat dari 7.09 dalam pra ujian kepada 31.18 dalam pasca ujian. Begitu juga dengan MMPS, min pra ujian meningkat dari 7.93 kepada 35.77 dalam pasca ujian. Julat min untuk pasca ujian adalah antara 25.33 hingga 35.77. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan min yang besar selepas rawatan diberikan. Sisihan piawai juga terserak lebih luas antara 14.86 hingga 22.66 yang menunjukkan terdapat perubahan markah selepas rawatan diberikan dengan taburan yang sederhana.

Jadual 4

*Keputusan ujian kemahiran bacaan al-Quran mengikut mod persembahan*

| Kumpulan                        | Ujian bacaan | Min   | Sisihan Piawai | Minima | Maksima | n  |
|---------------------------------|--------------|-------|----------------|--------|---------|----|
| Mod Multimedia Berasingan       | Pra          | 55.45 | 28.81          | 0      | 97.50   | 47 |
|                                 | Pasca        | 77.50 | 25.48          | 5      | 100.00  | 47 |
| Mod Multimedia Integrasi        | Pra          | 59.53 | 29.87          | 5      | 97.50   | 46 |
|                                 | Pasca        | 82.03 | 22.29          | 22.50  | 100.00  | 46 |
| Mod Multimedia Pengecaman Suara | Pra          | 59.57 | 22.73          | 0      | 97.50   | 50 |
|                                 | Pasca        | 84.29 | 21.28          | 25     | 100.00  | 50 |

Jadual 4 menunjukkan min ujian prakemahiran bacaan untuk ketiga-tiga mod adalah tinggi iaitu antara 55.45 hingga 59.57. Walau bagaimanapun, sisihan piawai terserak lebih luas dari 22.73 hingga 28.81. Serakan ini menunjukkan bahawa kemahiran bacaan al-Quran sedia ada murid-murid berada dalam tahap yang berbeza-beza. Rawatan selama 140 minit mengikut mod persembahan telah diberikan. Dapatan ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat perubahan min dalam setiap mod persembahan. MMB menunjukkan perubahan min ujian pra dari 55.45 kepada 77.50 dalam pascaujian. Min MMI juga meningkat dari 59.53 kepada 82.03 dalam pascaujian. Min untuk mod persembahan ketiga iaitu MMPS juga meningkat dari 59.57 hingga 84.29 dalam pascaujian. Julat min pascaujian antara mod persembahan adalah di antara 77.50 hingga 84.29. Ini menunjukkan perbezaan min pascaujian antara mod persembahan adalah kecil. Sisihan piawai ujian pasca adalah dari 21.28 hingga 25.48 yang menunjukkan bahawa serakan data pascaujian kemahiran bacaan adalah kecil. Ini menggambarkan bahawa setiap mod persembahan memberi kesan terhadap kemahiran bacaan murid dan perbezaan pencapaian ini juga dipengaruhi oleh kesan interaksi murid dengan mod persembahan.

## PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan terdapat perubahan pencapaian dari praujian ke pascaujian berdasarkan perubahan jumlah markah dan min pencapaian untuk kedua-dua ujian iaitu kefahaman tajwid dan kemahiran bacaan al-Quran. Bagi ujian kefahaman, perubahan adalah lebih jelas dengan peningkatan pencapaian dan serakan markah yang lebih luas. Walau bagaimanapun, bagi ujian bacaan, peningkatan markah berlaku tetapi dengan kadar yang seimbang. Ini menunjukkan peningkatan bacaan berlaku dengan minima sahaja. Keputusan praujian dan pascaujian ini menunjukkan bahawa saranan Kementerian Pendidikan kepada guru untuk mempelbagaikan strategi dan BBM boleh memberi impak yang positif kepada pencapaian murid. Murid lebih cepat memahami sesuatu konsep apabila multimedia digunakan sebagai BBM.

Multimedia yang terdiri dari elemen video, audio, teks dan interaktiviti boleh diperluaskan penggunaannya bersesuaian dengan konteks murid. Kelebihan video adalah ianya boleh diulang tayang mengikut kehendak murid. Paparan teks yang serentak dengan video dan kedudukan teks yang berdekatan video adalah salah satu prinsip multimedia untuk pembelajaran berkesan (Mayer, 2001). Perubahan warna teks mengikut video bacaan qari membantu meningkatkan ingatan jangka panjang. Ini bertepatan dengan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2001) yang menyatakan sensori ingatan iaitu mata dan telinga digunakan secara serentak untuk memahami bunyi dan imej. Fungsi sistem pengesanan suara pula memberi peluang murid melaksanakan penilaian sendiri terhadap rakaman bacaan mereka di samping membantu membandingkan bacaan mereka dengan bacaan qari. Murid juga berpeluang mencuba berkali-kali sehingga berpuas hati dengan bacaan mereka.

Walaupun dapatan menunjukkan bahawa terdapat perubahan positif dalam setiap mod persembahan tetapi agak sukar untuk ditentukan mod persembahan manakah yang paling berkesan. Ini adalah kerana kesan rawatan setiap mod persembahan membawa pencapaian yang berbeza-beza. Setiap mod persembahan mempunyai kelebihan elemen masing-masing. Dapatan data tidak cukup untuk mengenal pasti mod persembahan yang lebih baik kecuali ujian *post hoc* dijalankan. Dapatan data juga perlu diperincikan dengan mengguna pakai skor praujian sebagai kovariat untuk melihat sama ada terdapat perbezaan signifikan antara ketiga-tiga mod persembahan. Kedua-dua ujian ini perlu diteruskan untuk mendapatkan keputusan perbandingan yang lebih baik.

## KESIMPULAN

Penggunaan BBM berbentuk multimedia adalah satu alternatif dalam menyelesaikan masalah kefahaman tajwid dan bacaan al-Quran yang dihadapi oleh murid-murid Islam sekarang ini. BBM yang berkesan adalah apabila terdapat unsur kreatif, inovatif dan sesuai dengan jiwa remaja murid. Saranan Kementerian Pendidikan bagi menggunakan BBM semasa pengajaran dan pembelajaran adalah bertepatan dengan dapatan kajian ini. Penggunaan BBM juga tidak terhad untuk kegunaan dalam kelas sahaja tetapi pembelajaran itu perlu diperluaskan sehingga berada di luar kawasan sekolah. Murid perlu dimotivasikan untuk mencintai al-Quran



dan berusaha membaca al-Quran dengan tajwid yang betul. Kecintaan kepada al-Quran akan memberi semangat kepada murid untuk mempelajari al-Quran.

## RUJUKAN

Abdul Qadir Leong. (2009). *Tajwid al-Quran rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan Falkulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin, & Che Bakar Che Mat. (2004). *Tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Sarawak*. Laporan Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan. Dicapai daripada [http://eprints.uitm.edu.my/6880/1/LP\\_AHMAD%20ROZAINI%20ALI%20HASAN%2010\\_24.PDF](http://eprints.uitm.edu.my/6880/1/LP_AHMAD%20ROZAINI%20ALI%20HASAN%2010_24.PDF)

Alessi, S., & Trollip, M. (2001). *Multimedia for learning*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Azarudin Awang, Azman Che Mat, & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakob. (2010). Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM Terengganu. Shah Alam: UiTM, Research Management Institute.

Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction*. Fort Worth, TX: Holt, Rinehart & Winston.

Hussaini Amran. (2013, November 4). Ramai buta huruf al-Quran. Utusan Malaysia Online. Dicapai daripada [http://ww1. Utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131104/dn\\_17](http://ww1. Utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131104/dn_17)

Imran Kamal Basah. (2010). *Kemahiran bacaan al-Fatihah dalam kalangan jemaah masjid: Kajian di masjid-masjid Daerah Hulu Langat, Selangor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Irfan Naufal Umar, & Zubir Zakaria. (2010). The effects of video integration in an Islamic education multimedia courseware on the performance of student with different learning style. *Proceeding of the 1st International Conference on Islamic Education* (pp. 955-964).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2007). *Pengintegrasian kandungan bahan-bahan berasaskan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: MDeC.

Kothari, B. (2008). Let a billion readers bloom: Same language subtitling (SLS) on television for mass literacy. *International Review of Education*, 54, 773-780.

Mayer, R. E. (2001). *Multimedia learning* (1sted.). New York, NY: Cambridge University Press.

Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). New York, NY: Cambridge University Press.

Mayer, R. E. (2003). The promise of multimedia learning: Using the same instructional design methods across different media. *Learning and Instruction*, 13(2), 125-139.

- Mohd Aderi Che Noh. (2004). *Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur*. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. (2011). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: Satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1),57-72.
- Mohd Aderi Che Noh, & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan Journal of al-Quran & al-Hadith*,6, 53-85.
- Muhammad Farhan Ismail, & Siti Nurfarhana Zakaria. (2010). Kajian pembacaan surah al-Fatihah di kalangan pelajar Politeknik Kuching, Sarawak. *Prosiding Seminar Tranformasi Pendidikan Teknikal*. Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani, 3-4 November 2010 (hh.56-62 ).
- Nasir, & Rubiah. (1997). *Tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan guru pelatih bukan pengkhususan pengajian Islam*. Alor Setar: Institut Perguruan Darul Aman. Dicapai dari <http://ipdares.tripod.com/koran.htm>
- Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Zarina Shukur, Siti Fadzillah Mat Noor,& Khairuddin Omar. (2005). Aplikasi pendekatan talaqqi dan musyafahah dalam pembangunan perisian multimedia tajwid. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadith*, 3, 83-108.
- Nor Hashidah Mohd Nasir, Fauziah Baharom, Harryizman Harun, Haslinda Mohd, Ali Yusny Daud, Norida Darus & Ahmad Ghadafi. (2010). Model pembelajaran e-Tajwid (eLTM) berasaskan semantik dan elemen multimedia. In *Proceeding of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT* (pp. 89-97).
- Norizan Mat Diah, Marina Ismail, Suzana Ahamad, & Noor Atiqah Che Juhari. (2012). Interactive multimedia application to teach tajweed for children using scaffolding approach. *2nd International Malaysian Educational Technology Convention* (pp. 444-457).
- Noor Jamaliah Ibrahim. (2010). *Automated tajweed checking rules engine for Quranic verse recitation*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Dicapai daripada [dspace.fsktm.um.edu.my](http://dspace.fsktm.um.edu.my)
- Raihan Mohd Nordin. (2000). *Penguasaan kemahiran membaca al-quran di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun Kedah Darul Aman*. (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Ramlah Ahmad. (2000). *Kemahiran membaca al-Quran dan jawi pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh: Satu kajian kes*. (Kertas kerja Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Saidi Mohd. (2006). *Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Negeri Terengganu*. (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Zabedah A.Aziz,& Irfan Naufal Umar. (2013). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran dan keperluan pembelajaran ilmu tajwid al-Quran di sekolah menengah: Taksiran keperluan. In *Proceeding of 4th International Conference on Islamic Education 2013*.